

14/10/1999

Kepemimpinan kukuh punca pemulihan cepat

PEMULIHAN ekonomi Malaysia yang berlaku lebih cepat dari Thailand dan tanpa sokongan asing, adalah disebabkan oleh kepemimpinan negara yang kukuh, kata Pusat Penyelidikan Peladang Thailand.

Kenyataan pusat itu yang disiarkan oleh akhbar berbahasa Inggeris Thailand, The Nation, baru-baru ini menyebut ketika kebanyakan negara Asia dalam proses pemulihan, ahli ekonomi serta penganalisis kewangan menumpukan perhatian kepada Malaysia kerana kepantasan pemulihannya.

Ia menggariskan faktor kejayaan Malaysia yang diterajui kepemimpinan tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu dasar kadar faedah rendah, menambat ringgit untuk menggalakkan eksport, meningkatkan perbelanjaan belanjawan dan cukai terhadap aliran keluar modal portfolio asing.

"Situasi politik di Malaysia lebih stabil. Dalam tempoh 18 tahun pentadbirannya, Dr Mahathir mengawalnya dengan kukuh.

"Kuasa politik yang kuat dan sokongan membantunya menjalankan pentadbiran dengan licin.

"Kepemimpinan Malaysia berpendirian tegas dan berpandangan luas. Kejayaan Malaysia banyak bergantung kepada ketegasan dan wawasan Dr Mahathir, seorang daripada pemimpin dunia yang paling tegas, katanya.

Tidak seperti ekonomi lain di rantau ini, katanya, Malaysia menolak pinjaman menyelamatkan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), sebaliknya menggantikan liberalisasi dengan kawalan aliran modal asing. Sejak 1 September, nilai ringgit ditambat pada dolar Amerika pada kadar RM3.8 sedolar.

"Malaysia sudah menunjukkan kepada dunia ia boleh mengelak daripada reformasi ekonomi yang menyakitkan yang ditawarkan oleh IMF kepada jiran-jirannya, dan belayar dengan jayanya melepasi krisis," katanya.

Laporan itu turut membuat perbandingan Malaysia dan Thailand dengan ciri utama ialah tempoh masa kedua-dua negara keluar dari kemelesetan.

"Di Malaysia, rakyat tempatan dan perniagaan kelihatan mengalami laluan yang kurang perit berbanding Thailand.

"Kawalan modal yang ketat dan kadar tukaran asing yang tetap ditujukan terutamanya untuk mengekalkan kadar faedah rendah di pasaran tempatan tanpa menjejaskan ringgit.

"Ini mengurangkan beban bayaran faedah yang tinggi kepada perniagaan swasta yang berhutang," katanya.

Pihak berkuasa Malaysia juga mengubah kriteria pengkelasan pinjaman tidak berbayar (NPL) untuk memanjangkan tempoh bayaran balik daripada tiga bulan kepada enam bulan, dengan itu memberi ruang kepada usahawan.

Katanya, ini memperlahankan pertumbuhan NPL supaya bank perdagangan boleh terus menjalankan kegiatan, manakala sebuah agensi khas ditubuhkan untuk menangani masalah NPL di kalangan institusi kewangan.

The Nation melaporkan, faktor penyumbang kepada kepantasan pemulihan Malaysia ialah ekonominya yang lebih stabil serta persekitaran sosial dan politik.

Hutang luar tidak membimbangkan. Pada akhir 1997, iaitu tahun pertama krisis, hutang luar Malaysia ialah 50 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) berbanding 78 peratus di Thailand.

Tambahan pula, kebanyakan hutang berkenaan dalam jangka sederhana dan panjang, berbeza dengan hutang jangka pendek di Thailand.

Ia turut menggariskan sumbangan disiplin sosial masyarakat Malaysia yang jarang mengalami kekecohan kerana undang-undang dan penguatkuasaan yang

tegas.

(END)